

Program International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)



Program *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE)

Program IGCSE diperkenalkan sebagai nilai tambah kepada sistem pendidikan MRSM sedia ada. Kurikulum program ini menggunakan gabungan kurikulum kebangsaan dan kurikulum *Cambridge International*. Pada akhir program pelajar akan memperoleh dua sijil iaitu *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Program ini menawarkan *Cambridge Secondary 1* (Tingkatan 1 hingga 2) dan *Cambridge Secondary 2* (Tingkatan 3 hingga 4). Pada akhir *Cambridge Secondary 1* pelajar akan menduduki *Checkpoint* (ujian diagnostik) manakala pada akhir *Cambridge Secondary 2* pelajar akan menduduki peperiksaan IGCSE.

Timeline IGCSE

Tingkatan 1		Tingkatan 2		Tingkatan 3		Tingkatan 4		Tingkatan 5	
Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2	Sem 1	Sem 2
Menengah Rendah						Menengah Atas			
Cambridge Secondary 1				Cambridge Secondary 2					
Peperiksaan Cambridge		Checkpoint		↑		IGCSE		↑	
Peperiksaan Kebangsaan				PT3		↑		SPM	
								↑	

- Nota: Sem
- semester
- Checkpoint
- ujian diagnostik di akhir Cambridge Secondary 1
- IGCSE
- International General Certificate of Education
- PT3
- Penilaian Tingkatan 3
- SPM
- Sijil Pelajaran Malaysia

Pelajar MRSM akan menduduki *Cambridge Checkpoint* pada bulan Oktober/November semasa di Tingkatan 2. Pelajar akan menduduki PT3 di Tingkatan 3 manakala peperiksaan IGCSE akan diduduki pada bulan Oktober/November di Tingkatan 4. Seterusnya pelajar akan menduduki peperiksaan SPM di Tingkatan 5.

Pendaftaran sebagai Cambridge International School


Institusi pendidikan yang berdaftar untuk menawarkan program Cambridge International dipanggil Cambridge International Schools. Pendaftaran sebagai sebuah Cambridge International School bermula dengan satu School Approval Visit oleh wakil tempatan Cambridge bagi memahami perancangan sekolah dan membantu dalam proses pendaftaran. Tahun pendaftaran adalah dari 1 Oktober hingga 30 September setiap tahun.

Kemudahan Buku Teks

Pelajar program dwisijil menerima kemudahan pinjaman buku teks. Walau bagaimanapun, buku teks hanya sebagai panduan. Seperti lazimnya dalam sistem pendidikan MRSM, pembelajaran tidak bertumpu kepada buku teks, sebaliknya guru akan menggunakan nota dan helaian sendiri.

Pentaksiran

Pelajar akan mengambil tiga (3) subjek untuk Cambridge Checkpoint:



Pelajar yang mengikuti program ini akan menduduki peperiksaan IGCSE untuk enam (6) subjek iaitu :



Pelajar mempelajari subjek Science sebagai tiga subjek berasingan iaitu Biology, Physics dan Chemistry bermula sejak Tingkatan 1.

Pembangunan Profesionalisme Guru

Latihan berkaitan kurikulum Cambridge ditawarkan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Biologi, Fizik dan Kimia. Tenaga pengajar didatangkan dari CAIE.

Scheme of Work (SOW) Annual Review

Mesyuarat penilaian semula skema kerja bagi subjek English, Mathematics, Additional Mathematics, Biology, Physics dan Chemistry.